# TATACARA BAHARU PENILAIAN TENDER KERJA KECIL

## BAGI PROJEK SECARA KONVENSIONAL BERNILAI RM10 JUTA DAN KE BAWAH

**EDISI KEDUA (FEBRUARI 2017)**

**HANYA UNTUK KEGUNAAN AGENSI PERINTIS:**
JABATAN KERJA RAYA; JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN;
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM); KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA;
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA & KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH

# SENARAI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN ........ 3
2.0 PENILAIAN TENDER BAGI PROJEK KECIL ........ 4
3.0 JAWATANKUASA BERKAITAN PENILAIAN TENDER ........ 5
4.0 MAKLUMAT DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN TENDER ........ 7
5.0 KAEDAH PENILAIAN TENDER ........ 12
6.0 PENILAIAN TENDER PERINGKAT PERTAMA ........ 18
7.0 PENILAIAN TENDER PERINGKAT KEDUA ........ 21
8.0 PERAKUAN PENILAIAN TENDER ........ 36
9.0 PERAKUAN BERDASARKAN KRITERIA TAMBAHAN PENILAIAN TENDER ........ 37
10.0 PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN ........ 39
CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA BAGI PROJEK KECIL ........ 40
LAMPIRAN 2 – SENARAI SEMAKAN DOKUMEN MANDATORI DAN SOKONGAN ........ 42
LAMPIRAN 3 – ARAHAN KEPADA PETENDER ........ 44
LAMPIRAN 4 – BORANG-BORANG MAKLUMAT ........ 52
LAMPIRAN 5 – JADUAL SEMAKAN KESILAPAN PENGIRAAN HARGA TENDER (MENGIKUT SUSUNAN HARGA) ........ 66
LAMPIRAN 6 – BORANG-BORANG PENILAIAN TENDER ........ 68
LAMPIRAN 7 – CONTOH PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN TENDER ........ 75

## 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan proses penilaian tender yang lebih teratur, mudah, menjamin ketelusan dan memberi nilai faedah terbaik (*best value for money*), sistem penilaian tender berasaskan kriteria baru telah dihasilkan.

1.2 Sistem penilaian tender ini meliputi dua kategori penilaian iaitu:

1.2.1 Projek bernilai RM10.0 juta dan ke bawah – Penilaian Tender Kerja Kecil

1.2.2 Projek bernilai melebihi RM10.0 juta – Penilaian Tender Kerja Besar

1.3 Penentuan kategori penilaian tender adalah berdasarkan kepada Anggaran Jabatan.

1.4 Tatacara Baharu Penilaian Tender Kerja Kecil ini disediakan khusus untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua Kementerian dan agensi Kerajaan dalam melaksanakan **Penilaian Tender Kerja Konvensional** berasaskan kriteria baru penilaian tender bagi projek bernilai RM10.0 juta dan ke bawah.

1.5 Dengan adanya tatacara baharu ini, adalah diharap ia dapat memberi pengetahuan dan maklumat berguna dalam merealisasikan tatacara kerja yang lebih cekap dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi dan profesionalisme perkhidmatan awam dalam proses pembangunan negara.

1.6 Tatacara baharu ini hendaklah dibaca bersekali dengan ***'Carta Aliran Penilaian Tender Kerja Bagi Projek Kecil'.***

## 2.0 PENILAIAN TENDER BAGI PROJEK KECIL

2.1 Tatacara baharu penilaian tender bagi projek kecil ini melibatkan dua (2) peringkat penilaian dan menggunakan satu (1) borang penilaian di Peringkat Pertama dan lima (5) borang penilaian di Peringkat Kedua bagi menganalisa kriteria-kriteria yang telah dikenal pasti.

2.2 Petender yang gagal mematuhi salah satu kriteria penilaian di peringkat pertama <u>**tidak akan**</u> dipertimbangkan ke peringkat kedua.

2.3 Hasil penilaian ke atas setiap kriteria di peringkat pertama dan kedua akan diberi rating seperti berikut:

| Pencetak Warna | Pencetak Hitam Putih | Kod Warna | Keterangan |
|---|---|---|---|
| G | G | G - Green | Lulus |
| GT | GT | GT - Green & Tiada Kerja Semasa/Tiada Beban Kerja | Lulus |
| Y | Y | Y - Yellow | Boleh disyorkan untuk pertimbangan |
| R | R | R - Red | Gagal |

2.4 Petender yang lulus Penilaian Peringkat Kedua layak dipertimbangkan dalam perakuan tender.

## 3.0 JAWATANKUASA BERKAITAN PENILAIAN TENDER

### 3.1 Jawatankuasa Pembuka Tender

3.1.1 Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan.[1]

3.1.2 Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada mana-mana skim perkhidmatan yang bersesuaian.

3.1.3 Jawatankuasa Pembuka Tender bertanggungjawab mengisi dan menandatangani borang Senarai Semakan Dokumen Mandatori dan Sokongan (SSD) seperti di **Lampiran 2**. Sekiranya terdapat apa-apa keraguan/pemerhatian, Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah membuat catatan dengan tepat dan jelas sebelum Borang SSD ditandatangani. Borang SSD ini hendaklah dikepilkan bersama-sama Jadual Tawaran untuk **diserahkan kepada Urusetia Jawatankuasa Penilaian Tender dalam tempoh tidak lebih daripada lima (5) hari**[2].

### 3.2 Jawatankuasa Penilaian Tender (JPT)

3.2.1 Penilaian Tender Kerja hendaklah dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian Tender yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan.

---

[1] Ketua Jabatan adalah Pegawai Pengawal/Ketua Pengarah/Setiausaha Bahagian manakala bagi Jabatan Teknik adalah Ketua Pengarah/Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat/Pengarah Negeri.

[2] Hari yang dimaksudkan di dalam buku tatacara ini adalah *calender days*.

3.2.2 Keanggotaan JPT adalah seperti berikut:

**i) Pengerusi**

a) Seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada skim perkhidmatan yang bersesuaian.

**ii) Ahli**

a) Sekurang-kurangnya dua (2) orang;

b) Terdiri daripada pegawai berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas; dan

c) Seorang (1) pegawai teknikal dalam kumpulan skim perkhidmatan ‘J’ daripada Jabatan Teknik/Bukan Teknik/Unit Teknikal Agensi.

**iii) Urus Setia**

a) Seorang pegawai berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas daripada skim perkhidmatan yang bersesuaian.

3.2.3 **Proses penilaian tender hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian Tender**.

3.2.4 Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan semua ahli Jawatankuasa.

## 4.0 MAKLUMAT DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN TENDER

### 4.1 Borang-Borang Maklumat

4.1.1 Penilaian tender memerlukan semua maklumat dan data berhubung dengan pendaftaran syarikat, kedudukan kewangan, pengalaman kerja dan prestasi kerja semasa petender. Bagi mendapatkan semua maklumat dan dokumen sokongan tersebut, arahan seperti di **Lampiran 3** hendaklah dimasukkan dalam Dokumen Tender sebagai sebahagian daripada Arahan Kepada Petender.

4.1.2 Petender hendaklah melengkapkan dan menyertakan borang-borang maklumat seperti di **Lampiran 4** semasa mengemukakan tender masing-masing. Borang-borang tersebut adalah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (a) | **Borang A** | - | Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender |
| (b) | **Borang B** | - | Maklumat Am Latar Belakang Petender |
| (c) | **Borang C** | - | Data-Data Kewangan Petender |
| (d) | **Borang CA** | - | Laporan Bank Mengenai Kedudukan Kewangan Petender |
| (e) | **Borang D** | - | Senarai Kerja/ Kontrak Semasa Petender |
| (f) | **Borang DA** | - | Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Petender |
| (g) | **Borang E** | - | Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh lima (5) Tahun Lepas) |
| (h) | **Borang F** | - | Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*) |

4.1.3 Bagi memastikan kesahihannya, maklumat dan data yang diterima daripada petender hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut:

**a. Perakuan/Sijil Pendaftaran**

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ).

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (jika berkaitan);

iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan);

v) Salinan Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) (sekiranya ada); dan

vi) Salinan Sijil Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik dan sebagainya (sekiranya ada).

**b. Maklumat Kewangan**

Petender hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:

i) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan pengesahan akuan sah *(certified*

*true copy)* ASLI (pada muka surat lembaran imbangan sahaja) oleh Juruaudit Bertauliah atau Setiausaha Syarikat Berlesen, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut dari tahun tutup tender; **dan/atau**

ii) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **DAN** Laporan ASAL Bank mengenai kedudukan kewangan petender, atas format seperti di **Borang CA**; **dan/atau**

iii) Laporan ASAL Bank mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti **Borang CA**. Laporan tersebut hendaklah **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **dan/atau** surat ASAL daripada institusi yang memberi kemudahan kredit khusus untuk tender ini seperti di **Borang C**.

**c. Maklumat Kerja Semasa dan Pengalaman Kerja**

i) Salinan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;

ii) Laporan Asal Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

iii) Salinan Surat Setuju Terima Tender dan Salinan Perakuan Siap Kerja/ Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad bagi setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.

## 4.2 Kegagalan Petender Mengemukakan Maklumat

4.2.1 Kegagalan petender mengemukakan **salah satu** daripada dokumen kewangan iaitu salinan Penyata Kewangan Syarikat **atau** salinan Penyata Bulanan Bank dan Laporan ASAL Bank **atau** Laporan Asal Bank mengenai kemudahan kredit petender seperti di perenggan 4.1.3 b. akan menyebabkan tendernya ditolak di penilaian peringkat pertama.

4.2.2 Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan kepada **Borang E,** maka maklumat yang diberikan adalah tidak sah dan tidak boleh diterima dalam Penilaian Keupayaan petender.

4.2.3 Walau bagaimanapun, sekiranya dokumen-dokumen sokongan (**Borang DA)** bagi projek-projek yang disenaraikan dalam **Borang D** tidak dikemukakan, maklumat-maklumat tersebut hendaklah diambil kira sebagaimana tercatat kecuali Pegawai Penilai mempunyai maklumat yang terkini mengenai projek berkenaan.

4.2.4 Sekiranya Pegawai Penilai mendapati petender mempunyai projek semasa yang tidak disenaraikan dalam **Borang D,** maka petender tidak layak untuk dipertimbangkan.

## 4.3 Kesahihan dan Pengesahan Maklumat dan Data-Data Penilaian

4.3.1 Semua maklumat yang diberi oleh petender melalui borang-borang maklumat hendaklah disemak bagi memastikan ianya selaras dengan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan. Jika terdapat percanggahan, hanya maklumat daripada dokumen sokongan yang sah hendaklah diguna pakai.

4.3.2 Lazimnya penilaian keupayaan petender hendaklah dibuat berasaskan maklumat dan dokumen yang diterima tanpa perlu

semakan lanjut dengan pihak lain. Bagaimanapun bagi tender yang lulus penilaian keupayaan, Pegawai Penilai hendaklah membuat semakan yang sewajarnya dengan Pegawai Penguasa, Perunding, BPKU, CIDB, Sistem Kawal & Lapor (SKALA) JKR, pihak bank, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan/atau pihak lain yang berkenaan untuk mengesahkan maklumat dan data yang digunakan dalam penilaian ke atas petender berkenaan.

**4.4 Tindakan Ke atas Petender Yang Menyembunyikan/Memalsukan Maklumat**

4.4.1 Sekiranya petender didapati tidak memberikan maklumat yang dikehendaki dan/atau menyembunyikan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, petender tidak layak dinilai.

4.4.2 Manakala dalam kes pemalsuan maklumat yang dikemukakan, tender berkenaan tidak layak dinilai dan diperakukan dan tindakan berikut hendaklah diambil ke atas petender:

a) Membuat laporan kepada CIDB untuk tindakan selanjutnya;
b) Membuat laporan kepada BPKU sekiranya kontraktor bertaraf Bumiputera; dan
c) Membuat laporan polis

**4.5 Tindakan Ke atas Petender Yang Terlibat Dalam Aktiviti Rasuah**

Sekiranya petender didapati menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau membuat laporan polis ke atas petender tersebut.

## 5.0 KAEDAH PENILAIAN TENDER

5.1 Sebelum analisa dibuat ke atas kriteria-kriteria penilaian tender, kaedah penilaian tender yang akan digunakan perlu dikenal pasti terlebih dahulu, iaitu sama ada:

5.1.1 Kaedah berdasarkan Harga *Cut-Off;* atau

5.1.2 Kaedah berdasarkan Anggaran Jabatan.

5.2 Semua pengiraan harga dan pengiraan status perbandingan harga bagi kedua-dua kaedah di atas adalah berdasarkan Harga Kerja Pembina. Harga Kerja Pembina adalah Harga Tender/Anggaran Jabatan yang tidak termasuk Wang Peruntukan Sementara dan Wang Kos Prima. Contoh pengiraan bagi Harga Kerja Pembina adalah seperti berikut:

Harga Tender (HT)/Anggaran Jabatan (AJ) : RM9,500,000
Wang Peruntukan Sementara (WPS) : RM200,000
Wang Kos Prima (WKP) : RM300,000
Harga Kerja Pembina = HT/AJ – (WPS + WKP)
= RM9,500,000 – (RM200,000 + RM300,000)
= **RM9,000,000.00**

### 5.3 Kaedah Berdasarkan Harga *Cut-Off*

#### 5.3.1 Definisi Harga *Cut-Off*

a) Harga *Cut-Off* adalah satu paras harga yang ditetapkan mengikut kaedah statistik ke atas harga-harga tender yang diterima termasuk harga Anggaran Jabatan sebagai salah satu daripada harga tender.

b) Harga *Cut-Off* adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan.

c) Penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender yang hendak diperakukan untuk disetujuterima akan dibuat berdasarkan perbandingan dengan harga *Cut-Off*.

### 5.3.2 Penggunaan Harga *Cut-Off*

Kaedah ini hendaklah diguna pakai bagi semua penilaian tender kerja **kecuali** tender-tender berikut:

a) Tender Terbuka yang disertai kurang daripada sepuluh (10) petender;
b) Tender Terbuka yang disertai sepuluh (10) atau lebih petender tetapi menjadi kurang dari sepuluh (10) petender setelah harga *freak* dikeluarkan selepas proses pengiraan *Cut-Off;*
c) Tender yang dipelawa secara Tender Terhad; atau
d) Tender Reka & Bina dan tender-tender yang berasaskan cadangan reka bentuk / spesifikasi dari petender.

### 5.3.3 Penetapan Harga *Cut-Off*

a) Bagi memastikan harga tender yang munasabah dan sentiasa mengambil kira harga pasaran semasa diperakukan untuk disetuju terima, penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender hendaklah dibuat berdasarkan perbandingan dengan satu paras harga *Cut-Off* yang ditetapkan mengikut kaedah statistik.

b) Mengikut kaedah statistik, penetapan harga *Cut-Off* hendaklah berasaskan harga *`Mean'* dan *`Standard Deviation'* harga-harga tender yang diterima termasuk Anggaran Jabatan (AJ) sebagai salah satu daripada harga tender dan setelah mana-mana harga *`freak'* dikeluarkan.

c) Pengiraan harga *Cut-Off* adalah berdasarkan formula di bawah, mengikut mana yang lebih tinggi:

i) '*Adjusted Mean* – 15% *Adjusted Mean*'; **atau**

ii) '*Adjusted Mean – Stdev*'

d) Definisi terma-terma yang berkaitan dengan pengiraan harga *Cut-Off* adalah seperti berikut:

i) **Anggaran Jabatan** adalah anggaran jabatan yang terakhir yang dimasukkan dalam peti tender sebelum tender di tutup.

ii) **'*Mean*'** adalah purata bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambil kira termasuk Anggaran Jabatan (sebagai salah satu dari harga tender) iaitu:

$$\boldsymbol{\mu = \frac{\Sigma X}{N}}$$

iii) ***`Adjusted Mean'*** adalah:

a) *Mean of BW ('Mean')* sekiranya *Builder's Work In AJ (Bwaj)* kurang daripada nilai `*Mean*'

| | |
|---|---|
| Anggaran Jabatan (AJ) | RM9,150,000.00 |
| PC & Prov Sum (PCP) | RM1,500,600.00 |
| Builder's Work In AJ (*Bwaj*) | RM7,649,400.00 |
| No of Tenders Analysed including AJ (Nt) | 38 |
| Mean of BW (Mean) | 8,595,302.00 |
| **Adjusted Mean** | **RM8,595,302.00** |

Dalam keadaan di mana **harga *Cut-Off* adalah lebih tinggi daripada Anggaran Jabatan**,

maka Anggaran Jabatan hendaklah diambil sebagai harga *Cut-Off.*

Contoh pengiraan harga *Cut-Off* :

- Adjusted Mean – 15% Adjusted Mean

  = RM8,595,302.00 – 1,289,293.30

  = **RM7,306,006.70**

- Adjusted Mean – Standard Deviation

  = RM8,595,302.00 – RM800,500.00

  = **RM7,794,802.00**

**Oleh itu, Cut-Off = RM7,794,802.00**

b) Purata di antara *Mean of BW (`Mean)*' dan *Builder's Work In AJ (Bwaj)* sekiranya Bwaj lebih tinggi daripada `*Mean*'

| | |
|---|---|
| Anggaran Jabatan (AJ) | RM9,150,000.00 |
| PC & Prov Sum (PCP) | RM500,600.00 |
| Builder's Work In AJ (*Bwaj*) | RM8,649,400.00 |
| No of Tenders Analysed including AJ (Nt) | 38 |
| Mean of BW (Mean) | RM8,595,302.00 |
| **Adjusted Mean** | **RM8,622,351.00** |

iv) ***'Stdev'*** adalah '*Standard Deviation*' bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambil kira termasuk AJ iaitu:

$$\sigma = \sqrt{\frac{\Sigma(X - \mu)^2}{N}}$$

yang mana:

X = Harga Tender dan AJ

N = Bilangan Tender + 1 (AJ)

e) **Semakan Harga *'Freak'***

Sebarang Harga Tender yang dianggap *'freak'* hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan. Sesuatu Harga Tender atau AJ hendaklah dikira sebagai *'freak'* sekiranya:

X – '*Mean*' > 2.33 kali `*Stdev*' (Z-*score* > 2.33)

atau

X – '*Mean*' < -2.33 kali `*Stdev*' (Z-*score* < - 2.33)

5.3.4 **Petender Yang Perlu Dinilai**

a) Penilaian tender layak dilaksanakan ke atas petender-petender yang menawarkan **harga tender dalam lingkungan (-) 10% sehingga (+) 5% daripada '*Adjusted Mean*' Kerja Pembina**.

b) **Sekiranya bilangan petender yang berada dalam lingkungan yang layak tersebut melebihi tiga puluh (30) petender,** penilaian hendaklah dibuat ke atas dua puluh (20) petender dahulu bermula daripada petender yang terendah yang layak dinilai (-) 10% bagi mendapatkan minimum tiga (3) petender yang lulus penilaian dan layak diperakukan.

c) Jika petender yang layak diperakukan masih kurang dari tiga (3) petender, **penilaian hendaklah diteruskan bagi baki bilangan petender lain** dalam lingkungan (-) 10% hingga (+) 5% sehingga mencapai tiga (3) petender yang layak.

d) **Jika baki petender melebihi lima belas (15) petender**, JPT hendaklah menilai sepuluh (10) petender dahulu dan

diulangi jika sekurang-kurangnya tiga (3) petender yang layak diperakukan adalah tidak mencukupi.

## 5.4 Kaedah Berdasarkan Anggaran Jabatan

### 5.4.1 Penggunaan Anggaran Jabatan

Bagi tender yang tidak menggunakan kaedah harga *Cut-Off,* penentuan kemunasabahan harga tender adalah berdasarkan perbandingan dengan Anggaran Jabatan.

### 5.4.2 Petender Yang Perlu Dinilai

Penilaian hendaklah dibuat ke atas petender yang menawarkan harga tidak lebih rendah dari (-) 20% sehingga (+) 10% daripada Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

## 5.5 Semakan Pengiraan

Semakan pengiraan perlu dibuat setakat yang perlu ke atas tender yang telah dipilih untuk dinilai bagi memastikan ianya bebas daripada kesilapan yang serius. Catatkan maklumat kesilapan ini atas Jadual Semakan Kesilapan Pengiraan Harga Tender seperti di **Lampiran 5** dan nyatakan dalam laporan penilaian.

## 6.0 PENILAIAN TENDER PERINGKAT PERTAMA

6.1 Penilaian Tender Peringkat Pertama **(rujuk Borang 1)** merupakan **penilaian mandatori** kelayakan asas tender berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan untuk menentukan **sama ada petender layak dipertimbangkan untuk penilaian seterusnya**. Kriteria-kriterianya adalah seperti berikut:

| Item | Kriteria Penilaian | Rating |
|---|---|---|
| a. | Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan meterai syarikat | G / R |
| b. | Penandatangan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB/Kementerian Kewangan | G / R |
| c. | Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja tercatat di Borang Tender | G / R |
| d. | Pendaftaran Petender masih sah semasa tarikh tutup tender | G / R |
| e. | Mengembalikan kesemua dokumen asas tender seperti berikut:<br>a) Borang Tender<br>b) Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender<br>c) Adenda (tambahan) yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen dijual kepada mereka (jika ada)<br>d) Maklumat/dokumen lain yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender | G / R |
| f. | Tempoh Siap Kerja tidak melebihi Tempoh Siap Maksimum / Ditetapkan | G / R |
| g. | Surat Akuan Pembida ditandatangani (*Integrity Pact*) | G / R |
| h. | Salinan Penyata Kewangan Syarikat dikemukakan, diaudit dan disahkan **<u>ATAU</u>** salinan Penyata Bulanan Bank dikemukakan dan disahkan dan Laporan Bank dikemukakan **<u>ATAU</u>** Kemudahan Kredit dikemukakan melalui Laporan Bank dan/atau surat dari institusi yang memberi kemudahan kredit | G / R |

### 6.2 Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Maksimum

Tawaran petender hendaklah ditolak sekiranya tempoh siap kerja TIDAK dinyatakan di Borang Tender kecuali bagi tender yang ditetapkan tempoh siap (*fixed period*). Sekiranya tempoh siap kerja maksimum dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender, mana-mana petender yang menawarkan tempoh yang melebihi tempoh siap kerja maksimum adalah tidak layak dipertimbangkan.

### 6.3 Mengemukakan Data Kewangan

6.3.1 Petender hendaklah mengemukakan data kewangan seperti berikut:

a) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah **diaudit** dan **disahkan** dengan pengesahan akuan sah (*certified true copy*) ASLI (pada muka surat lembaran imbangan sahaja) oleh Juruaudit Bertauliah atau Setiausaha Syarikat Berlesen bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut dari tahun tutup tender ;
**dan/atau**

b) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **<u>disahkan</u>** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **DAN** Laporan ASAL Bank mengenai kedudukan kewangan petender, atas format seperti di **Borang CA**; **dan/atau**

c) Laporan bank ASAL mengenai kemudahan kredit petender atas format seperti **Borang CA.** Laporan tersebut hendaklah **<u>ditandatangani</u>** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan; **dan/atau** surat ASAL daripada institusi yang memberi kemudahan kredit khusus untuk tender ini seperti di **Borang C**.

6.3.2 Bagi menentukan maksud Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir dari tahun tutup tender, sila rujuk jadual di bawah:

a) Mengambil contoh 2016 sebagai tahun tutup tender, Penyata Kewangan Syarikat **yang diaudit dan disahkan secara tiga tahun berturut-turut** yang boleh diterima ialah bagi tahun 2015, 2014 dan 2013 **ATAU** bagi tahun 2014, 2013 dan 2012 sahaja.

| Rujukan Petender | Tahun Penyata Kewangan Syarikat yang dikemukakan | Diaudit | Disahkan | Rating | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1/30 | 2015<br>2014<br>2013 | ✓<br>✓<br>✓ | ✓<br>✓<br>✓ | G | Boleh diterima. |
| 12/30 | 2014<br>2013<br>2012 | ✓<br>✓<br>✓ | ✓<br>✓<br>✓ | G | Boleh diterima. |
| 20/30 | 2013<br>2012<br>2011 | ✓<br>✓<br>✓ | ✓<br>✓<br>✓ | R | Tidak boleh diterima walaupun berturut-turut kerana Penyata Kewangan terkebelakang dari lingkungan tahun yang boleh diterima. |
| 5/30 | 2015<br>2013<br>2012 | ✓<br>✓<br>✓ | ✓<br>✓<br>✓ | R | Tidak boleh diterima kerana Penyata Kewangan tidak secara berturut-turut |
| 10/30 | 2015<br>2014<br>2013 | ✓<br>✓<br>✓ | X<br>✓<br>✓ | R | Tidak boleh diterima kerana terdapat Penyata Kewangan yang tidak disahkan |
| 11/30 | 2014<br>2013<br>2012 | ✓<br>X<br>✓ | ✓<br>✓<br>✓ | R | Tidak boleh diterima kerana terdapat Penyata Kewangan yang tidak diaudit |

### 6.4 Menandatangani Surat Akuan Pembida (*Integrity* Pact)

Petender wajib melengkapkan dan menandatangani Surat Akuan Pembida berdasarkan peruntukan *Integrity Pact* di dalam Perolehan Kerajaan. Sekiranya petender gagal mengemukakan salinan Asal Surat Akuan tersebut yang ditandatangani oleh petender atau wakil syarikat (dengan melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat), tender tersebut hendaklah dinilai sebagai gagal dan penilaian seterusnya tidak perlu dilaksanakan.

### 6.5 Keputusan Penilaian

Petender yang lulus semua kriteria di **Borang 1** diberi rating **G** dan petender yang gagal salah satu kriteria diberi rating **R**

## 7.0 PENILAIAN TENDER PERINGKAT KEDUA

7.1 **Hanya petender yang lulus penilaian tender peringkat pertama** akan dinilai di peringkat kedua. Peringkat ini melibatkan analisa ke atas kriteria-kriteria berikut:

7.1.1 Kecukupan modal minimum;

7.1.2 Prestasi kerja semasa;

7.1.3 Beban kerja semasa; dan

7.1.4 Pengalaman kerja dalam lima (5) tahun lepas

### 7.2 Kecukupan Modal Minimum (Borang 2)

7.2.1 Hanya petender yang dapat mengemukakan bukti pemilikan modal dalam bentuk aset mudah cair iaitu sekurang-kurangnya lima peratus (5%) dari nilai Kerja Pembina (*Builder's Work*) kepada Anggaran Jabatan (AJ) dikira LULUS.

7.2.2 Rating bagi penilaian kecukupan modal minimum adalah seperti berikut:

| Kecukupan Modal Minimum | | Rating |
|---|---|---|
| 5% dan ke atas daripada Nilai Kerja Pembina AJ | = | G |
| Tidak melebihi 5% daripada Nilai Kerja Pembina AJ | = | R |

7.2.3 Analisa **kecukupan modal minimum** adalah berasaskan Aset Cair yang dicampur dengan Kemudahan Kredit dari **Borang CA**.

7.2.4 **Aset Cair** adalah Modal Pusingan atau Purata Akaun Bank yang dicampur Deposit Tetap, yang mana lebih tinggi.

7.2.5 Modal Pusingan adalah nilai Aset Semasa tolak Liabiliti Semasa yang diambil daripada Lembaran Imbangan yang terkandung di dalam Penyata Kewangan Syarikat yang terkini.

7.2.6 **Purata Akaun Bank** adalah Purata Baki Akhir Bulan dalam Penyata Bulanan Bank (PBB) bagi tiga (3) bulan terakhir.

7.2.7 PBB bagi tiga (3) bulan terakhir adalah ditentukan seperti berikut:

a) Bagi menentukan PBB terakhir yang dimaksudkan, Pegawai Penilai boleh berpandukan kepada PBB bagi bulan sebelum tender ditutup atau PBB terakhir yang mana majoriti petender berupaya mengadakannya. Contohnya:

i) Situasi 1

Enam (6) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April manakala empat (4) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac.

Dalam hal ini, penentuan PBB terakhir adalah berdasarkan majoriti petender yang telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April iaitu bulan sebelum tender ditutup. PBB yang boleh dipertimbangkan untuk empat (4) petender minoriti adalah bagi bulan Februari dan Mac sahaja.

**Jadual Situasi 1**

<table>
<tr><th>Ruj Petender</th><th>April<br>Mac<br>Feb</th><th>Mac<br>Feb<br>Jan</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>13/30</td><td>✓</td><td></td><td rowspan="10">Bulan tutup tender: Mei 2015<br><br>Majoriti Petender mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb.<br>Minoriti petender mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan.<br><br><u>Keputusan</u><br><br>Penentuan PBB bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB yang dikemukakan oleh majoriti petender iaitu bagi bulan April, Mac dan Feb.<br><br>Oleh itu, PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender minoriti (5/30, 20/30, 18/30 & 2/30) ialah bagi bulan Mac dan Feb sahaja.</td></tr>
<tr><td>2/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>5/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>20/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>10/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>22/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>18/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>7/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>2/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>6/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>Bilangan Petender</td><td>6</td><td>4</td><td></td></tr>
</table>

ii) <u>Situasi 2</u>

Enam (6) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac manakala empat (4) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April.

Dalam hal ini, PBB yang dikemukakan oleh majoriti petender bagi bulan Januari, Februari dan Mac dan PBB yang dikemukakan oleh empat (4) petender bagi bulan Februari, Mac dan April boleh dipertimbangkan.

**Jadual Situasi 2**

<table>
<tr><th>Ruj Petender</th><th>April<br>Mac<br>Feb</th><th>Mac<br>Feb<br>Jan</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>13/30</td><td></td><td>✓</td><td rowspan="10">Bulan tutup tender: Mei 2015<br><br>Majoriti Petender mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan.<br><br>Minoriti petender mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb.<br><br><u>Keputusan</u><br><br>Penentuan PBB bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB yang dikemukakan oleh majoriti petender iaitu bagi bulan Mac, Feb dan Jan.<br><br>Oleh itu, PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender minoriti (5/30, 20/30, 18/30 & 2/30) ialah bagi bulan April, Mac dan Feb memandangkan petender dapat memberi PBB yang terkini.<br><br>Dalam situasi ini, semua PBB yang dikemukakan oleh petender-petender layak dipertimbangkan.</td></tr>
<tr><td>2/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>5/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>20/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>10/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>22/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>18/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>7/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>2/30</td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>6/30</td><td></td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Bilangan Petender</td><td>4</td><td>6</td><td></td></tr>
</table>

iii) <u>Situasi 3</u>

Lima (5) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac manakala lima (5) petender lain telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April.

Dalam hal ini, PBB yang boleh dipertimbangkan adalah bagi bulan Feb, Mac dan April iaitu PBB terkini.

**Jadual Situasi 3**

| Ruj Petender | April Mac Feb | Mac Feb Jan | Catatan |
|---|---|---|---|
| 13/30 | ✓ | | Bulan tutup tender: Mei 2015<br><br>Lima (5) Petender mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb.<br><br>Lima (5) Petender mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan.<br><br>**<u>Keputusan</u>**<br><br>Penentuan PBB bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB terkini iaitu bagi bulan **April, Mac dan Feb** seperti yang dikemukakan oleh petender 13/30, 2/30, 22/30, 7/30 dan 6/30.<br><br>PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender 5/30, 20/30, 10/30, 18/30 dan 2/30 adalah bagi bulan **Mac dan Feb** sahaja.<br><br>Dalam situasi ini, hanya PBB bagi tiga (3) bulan terkini sahaja yang layak dipertimbangkan. |
| 2/30 | ✓ | | |
| 5/30 | | ✓ | |
| 20/30 | | ✓ | |
| 10/30 | | ✓ | |
| 22/30 | ✓ | | |
| 18/30 | | ✓ | |
| 7/30 | ✓ | | |
| 2/30 | | ✓ | |
| 6/30 | ✓ | | |
| **Bilangan Petender** | **5** | **5** | |

b) Di mana petender mengemukakan hanya satu (1) atau dua (2) PBB yang layak dipertimbangkan, maka nilai PBB bagi satu (1) atau dua (2) bulan tersebut hendaklah dibahagi dengan tiga (3) bagi mendapatkan purata akaun bank.

c) Di mana nilai baki terkumpul bagi PBB adalah positif, maka nilai ini hendaklah dibahagikan dengan tiga (3) bagi mendapatkan purata akaun bank. Sekiranya nilai baki terkumpul bagi PBB adalah negatif, maka purata akaun bank adalah sifar.

7.2.8 Dalam keadaan di mana petender mengemukakan penyata akaun bank dari dua (2) atau lebih institusi kewangan berbeza, maka nilai positif purata akaun bank dari setiap institusi kewangan yang dikemukakan hendaklah dijumlahkan. Contohnya adalah seperti berikut:

| | **BANK A** | **BANK B** |
|---|---|---|
| Bulan 1<br>Bulan 2<br>Bulan 3 | - RM40,000<br>RM30,000<br>- RM50,000 | RM50,000<br>RM70,000<br>RM60,000 |
| Purata Akaun Bank | 0 | RM60,000 |
| **JUMLAH PURATA (Bank A + Bank B)** | **RM60,000** | |

7.2.9 Deposit Tetap yang tidak dicagarkan yang mana tarikh matang hendaklah tidak luput sekurang-kurangnya sehingga 3 bulan selepas tarikh tutup tender dan disahkan oleh pihak bank mengikut format Laporan Bank (ASAL) mengenai kedudukan kewangan petender di **Borang CA**. Deposit Tetap yang boleh diambilkira adalah yang dimiliki atas nama pemilik tunggal bagi Syarikat Persendirian (*Sole Proprietorship*) dan atas nama firma bagi Firma Perkongsian (*Partnership*) dan Syarikat Badan Korporat (Sdn. Bhd./Berhad). Laporan ini hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak Bank.

7.2.10 Jumlah Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ditentukan seperti berikut:

a) Jika Laporan Bank mengenai kedudukan kewangan Petender dalam **Borang CA** dikemukakan/dinyatakan, jumlah Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ialah jumlah (baki) kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang dinyatakan dalam **Borang CA** seperti baki kemudahan overdraf yang sedang dinikmati atau diperakui/dijamin.

b) Jika **Borang CA** tidak dikemukakan tetapi laporan Bank dalam bentuk lain yang menyatakan jumlah kasar kemudahan kredit yang sedang/telah dinikmati (belum mengambilkira nilai yang telah digunakan) ada dikemukakan, jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang dinikmati dikira berasaskan jumlah kasar Kemudahan Kredit tersebut ditolak nilai negatif bulan akhir dalam PBB dari Bank yang sama.

Sebagai contoh, Petender mengemukakan surat dari Bank yang menyatakan jumlah kasar Kemudahan Kredit yang sedang dinikmati ialah RM50,000.00. **Nilai Negatif** bulan akhir dalam PBB **dari bank yang sama** ialah RM10,000.00. Pengiraannya adalah seperti berikut:

i) Jumlah Kasar Kemudahan Kredit = RM50,000.00

ii) **Nilai Negatif** Bulan Akhir dalam PBB = RM10,000.00

iii) Baki Nilai Kemudahan Kredit = (i) – (ii)

= RM50,000.00 – RM10,000.00,

= RM40,000.00

c) Pada dasarnya bentuk kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambil kira **hanyalah** seperti berikut **sahaja**:

i) Overdraf
ii) Overdraf Bercagar
iii) Tabung Pemulihan Usahawan (ERF)
iv) Pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA)
v) Talian Kredit

Kemudahan kredit dalam bentuk ERF atau pinjaman MARA hendaklah diisi oleh petender dalam **Borang C** dan disertakan dengan surat asal daripada institusi berkenaan yang memberi kemudahan kredit khusus untuk tender yang disertai.

Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek.

7.2.11 Maka, pengiraan bagi menentukan jumlah Modal Minimum ialah:

a) Modal Pusingan = Aset Semasa – Liabiliti Semasa
b) Purata Akaun Bank = Purata Baki Akhir Bulan dalam Penyata Bulanan Bank (PBB) bagi 3 bulan terakhir
c) Deposit Tetap + (b)
d) Buat perbandingan di antara (a) dan (c), ambil yang mana tertinggi
e) Campurkan Kemudahan Kredit
f) Jumlah Modal Mudah Cair = **(d) + (e)**

## 7.3 Prestasi Kerja Semasa (Borang 3)

7.3.1 Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender.

7.3.2 Rating bagi penilaian Prestasi Kerja Semasa adalah seperti berikut:

| Prestasi Kerja Semasa | | | Rating |
|---|---|---|---|
| a) | Tiada kerja semasa | = | GT |
| b) | i) Mengikut atau lebih baik daripada jadual<br>ii) Lewat tidak melebihi dan sehingga 10% | =<br>= | G |
| c) | Lewat melebihi 10% - 20% daripada jadual ATAU Kerja masih belum disiapkan pada tarikh siap dibenarkan tidak melebihi dan sehingga 60 hari, yang mana berkaitan | = | Y |
| d) | Lewat melebihi 20% daripada jadual ATAU Kerja masih belum siap pada tarikh siap dibenarkan melebihi 60 hari mengikut yang mana berkaitan ATAU projek dalam tindakan penamatan | = | R |

7.3.3 **Prestasi Kerja Semasa dinilai berdasarkan keadaan seperti berikut:**

a) Kerja Semasa Sedang Berjalan tetapi **Belum** Melebihi Tarikh Siap Dibenarkan, pengiraan adalah berdasarkan peratusan, atau

b) Kerja Semasa Sedang Berjalan dan **Telah** Melebihi Tarikh Siap Dibenarkan, pengiraan adalah berdasarkan peratusan dan jumlah hari (Luputan Tarikh Siap Kontrak).

7.3.4 **Pengiraan bagi penilaian berdasarkan <u>peratusan</u> adalah seperti berikut:**

Prestasi Kerja Semasa (PKS) = **A – S**

Di mana,

| | | |
|---|---|---|
| A | = | Peratus Kemajuan sebenar yang dicapai. |
| S | = | Peratus kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut jadual. |

7.3.5 **Pengiraan bagi penilaian berdasarkan <u>jumlah hari</u> adalah seperti berikut:**

Luputan Tarikh Siap Kontrak (D) = **E – C**

Di mana,

| | | |
|---|---|---|
| E | = | Tarikh Penilaian Kemajuan adalah Tarikh sepertimana dalam **Borang DA**. Sekiranya Tarikh Penilaian tidak dinyatakan, Tarikh Tutup Tender hendaklah digunapakai. |
| C | = | Tarikh Siap Dibenarkan (termasuk lanjutan masa yang diluluskan) |

7.3.6 Petender hendaklah dipastikan tidak mempunyai kerja semasa yang mana prestasinya boleh dianggap sebagai ‘sakit’ atau sedang menghadapi tindakan untuk penamatan pengambilan kerjanya. Sekiranya kemajuan pelaksanaan projek semasa petender mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual <u>atau</u> kelewatan melebihi 60 hari dari tarikh siap asal/lanjutan yang ditetapkan mengikut yang mana terdahulu, prestasi kerjanya adalah ditakrifkan sebagai ‘sakit’. Sekiranya diketahui atau terdapat bukti bahawa kerja semasa yang dilaksanakan oleh petender merupakan ‘projek sakit’ atau petender sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerjanya, tender berkenaan hendaklah ditolak dan tidak layak dipertimbangkan.

7.3.7 Sekiranya petender mempunyai lebih daripada satu kerja semasa, nilai prestasi kerjanya hendaklah berasaskan kerja semasa yang mana prestasinya adalah terendah. Sekiranya petender didapati menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja berhubung dengan pelaksanaan mana-mana kerja semasanya di mana notis untuk tujuan itu telah dikeluarkan terhadapnya, prestasi kerja semasanya hendaklah dikira sebagai `sakit' walaupun terdapat kerja semasanya yang lain berjalan lancar.

7.3.8 **Rujukan hendaklah dibuat kepada Laporan Penyelia Projek mengenai prestasi kerja petender atas Borang DA bagi setiap kerja semasa yang dilaksanakan**.

7.3.9 Jadual di bawah memberikan contoh situasi Prestasi Kerja Semasa bagi projek:

| **PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER** | | | |
|---|---|---|---|
| **Ruj. Petender:** | | | |
| **Nama Ringkas Kerja Semasa** | **Kerja 1** | **Kerja 2** | **Kerja 3** |
| | Kuarters Kakitangan Penjara Jasin, Melaka | Cadangan Membina dan Menyiapkan Pembangunan Perumahan di Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor | Cadangan Pembangunan Avenue 6, Bandar Tun Hussein Onn, Mukim Cheras, Bandar Hulu Langat, Selangor – Fasa 1 |
| **No. Kontrak Kerja Semasa** | JKR/IP/CKUB/159/2013 | PKNS/JKWS/BBB/KON-01/2010 | KPEC/176/2011 |
| **Harga Kontrak (RM)** | 11,098,198.80 | 24,695,499.26 | 25,961,571.15 |
| **Tarikh Pemilikan Tapak** | 18 Nov 2013 | 30 Nov 2010 | 10 May 2011 |
| **Tempoh Kontrak (Hari)** | 675 | 617 | 549 |
| **Tarikh Siap Dibenarkan (C)** | 24 Sept 2015 | 08 Aug 2012 | 5 April 2012 |
| **Tarikh Penilaian Kemajuan (E)** | 05 Feb 2016 | 31 May 2012 | 11 May 2012 |
| **Luputan Tarikh Siap Kontrak (Hari) (D)** | 134 | 0 | 36 |
| **Peratus Kemajuan Sebenar Dicapai (A) (%)** | 64.1 | 70.00 | 66.00 |
| **Peratus Kemajuan Mengikut Jadual (S) (%)** | 100 | 85.00 | 74.00 |
| **Prestasi Kerja Semasa (A)-(S) (%)** | -35.90 | -15.00 | -8.00 |
| **Dalam Tindakan Penamatan** | ✓ | | |
| **Status Prestasi** | R | Y | Y |
| **KEPUTUSAN** (Prestasi Kerja Semasa Terendah/Tiada Kerja Semasa) | | | R |

## 7.4 Beban Kerja Semasa (Borang 4)

7.4.1 Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan Nilai Baki Kerja (NBK) pada waktu petender memasuki tender berbanding dengan Nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan (AJ).

7.4.2 Jumlah nilai baki kerja dalam tangan diperolehi daripada peratus kerja pembina yang belum siap untuk semua projek. Jumlah ini dibandingkan dengan Nilai Kerja Pembina AJ untuk menentukan kebolehupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek sedia ada dan projek yang ditender.

7.4.3 Rujukan hendaklah dibuat kepada Laporan Penyelia Projek mengenai kemajuan kerja petender atas **Borang DA** bagi setiap kerja semasa yang dilaksanakan.

7.4.4 Rating bagi penilaian beban kerja semasa adalah seperti berikut:

| **Beban Kerja Semasa** | | | **Rating** |
|---|---|---|---|
| a) | Jumlah NBK ≤ 0.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ | = | G |
| b) | Jumlah NBK > 0.5 hingga 1.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ | = | Y |
| c) | Jumlah NBK > 1.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ | = | R |

7.4.5 Walau bagaimanapun, bagi kerja semasa dengan peratus Siap Kerja adalah 75% dan ke atas, petender dianggap tidak mempunyai Beban Kerja Semasa dan diberi rating G

## 7.5 Pengalaman Kerja (Borang 5)

7.5.1 Pengalaman kerja petender adalah pengalaman kerja serupa atau pengalaman kerja sebanding dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tutup tender.

7.5.2 **Kerja serupa** ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender.

7.5.3 **Kerja sebanding** ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.

7.5.4 Kategori bagi kerja adalah seperti berikut:

| Kategori | Keterangan |
|---|---|
| B | Kerja Bangunan |
| CE | Kerja Kejuruteraaan Awam |
| ME | Kerja Mekanikal/Elektrikal |

Sekiranya kategori kerja bagi projek yang ditender ialah B, maka kerja sebanding adalah daripada kategori CE dan ME. Sekiranya kategori kerja bagi projek yang ditender ialah CE, maka kerja sebanding adalah daripada kategori B dan ME.

7.5.5 Rating bagi penilaian pengalaman kerja dalam tempoh lima (5) tahun lepas adalah seperti berikut:

| Pengalaman Kerja | | | Rating |
|---|---|---|---|
| a) | Sekurang-kurangnya satu Kerja serupa | = | G |
| b) | Kerja sebanding atau tiada pengalaman kerja | = | Y |

7.5.6 Contoh penilaian pengalaman kerja bagi kategori kerja bangunan (B) adalah seperti jadual di bawah:

| **RUJ. PETENDER: 2/8** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Senarai Kerja yang Disiapkan** | **Kerja Serupa (RM)** | **Kerja Sebanding (RM)** |
| 1. | Membina dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Blok Asrama Perempuan di Sek. Men. Tengku Ampuan Rahimah Klang | RM5,000,000.00 | |
| 2. | Menyiapkan Bangunan 2 Tingkat Mahkamah | RM7,500,000.00 | |
| | ***KEPUTUSAN** | G | |

| **RUJ. PETENDER: 3/8** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Senarai Kerja yang Disiapkan** | **Kerja Serupa (RM)** | **Kerja Sebanding (RM)** |
| 1. | Membina dan Menyiapkan Sebuah Jambatan Melalui Sungai Rasau Klang | | RM3,600,000.00 |
| 2. | UPNM – Pembinaan Kompleks Penyelidikan | RM4,350,000.00 | |
| 3. | Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) – Kawalan Hakisan Tanah | | RM4,200,000.00 |
| | ***KEPUTUSAN** | G | |

| **RUJ. PETENDER: 4/8** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Senarai Kerja yang Disiapkan** | **Kerja Serupa (RM)** | **Kerja Sebanding (RM)** |
| 1. | Maktab Sains Rendah Mara Bentong-Kawalan Hakisan Tanah | | RM9,300,000.00 |
| | | | |
| | ***KEPUTUSAN** | | Y |

7.5.7 Kerja yang diambil kira adalah terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai kontraktor utama dan sub-kontraktor yang dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira melainkan ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

## 7.6 Keputusan Penilaian Peringkat Kedua (Borang 6)

7.6.1 Kesemua empat (4) kriteria yang telah dinilai di peringkat kedua akan disenaraikan di **Borang 6**. Keputusan keseluruhan akan dipaparkan seperti berikut:

| Rating | | Keterangan |
|---|---|---|
| G | = | Lulus |
| Y | = | Boleh disyorkan untuk pertimbangan |
| R | = | Gagal |

7.6.2 Penilaian di peringkat ini juga perlu menghasilkan sebaik-baiknya tiga (3) petender yang layak disyorkan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan.

7.6.3 Jika petender yang lulus adalah kurang dari tiga (3), penilaian hendaklah diteruskan bagi baki bilangan petender lain dalam lingkungan (-) 10% hingga (+) 5%.

7.6.4 Jika baki petender melebihi lima belas (15) petender, JPT hendaklah menilai sepuluh (10) petender dahulu dan diulangi jika sekurang-kurangnya tiga (3) petender untuk perakuan tidak mencukupi.

## 8.0 PERAKUAN PENILAIAN TENDER

8.1 Di samping hasil keputusan penilaian tender di peringkat kedua, perakuan penilaian tender hendaklah juga mengambil kira kedudukan harga tender berbanding Harga *Cut-Off* atau Anggaran Jabatan.

### 8.2 Kedudukan Harga Tender Berbanding Harga *Cut-Off*

Hanya petender yang memenuhi kriteria berikut layak dipertimbangkan:

| Bil | Kedudukan Harga Tender | Perakuan |
|---|---|---|
| 1 | Lebih rendah dari paras harga *Cut-Off* *dan* tidak melebihi (-)10% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina | a) Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua.<br><br>b) Jika terdapat lebih dari satu petender menawarkan harga tender yang memenuhi syarat di perenggan (a), keutamaan perakuan adalah kepada petender yang menawarkan harga paling hampir dengan *Cut-Off*. |
| 2 | Lebih tinggi dari paras harga *Cut-Off* *dan* tidak melebihi (+)5% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina | Petender tidak boleh mempunyai rating R dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua |

### 8.3 Kedudukan Harga Tender Berbanding Anggaran Jabatan

Hanya petender yang memenuhi kriteria berikut layak dipertimbangkan:

| Bil | Kedudukan Harga Tender | Perakuan |
|---|---|---|
| 1 | Dari -20% hingga -15% | Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua. |
| 2 | Melebihi -15% hingga +10% | Petender tidak boleh mempunyai rating R dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua |
| 3 | Melebihi +10% | Petender tidak boleh diperakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya tender tersebut hendak diperakukan, JPT hendaklah membuat perakuan yang sewajanya dengan sebab-sebab yang munasabah kepada Lembaga Perolehan. |

## 9.0 PERAKUAN BERDASARKAN KRITERIA TAMBAHAN PENILAIAN TENDER

9.1 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) petender menawarkan harga tender yang lebih rendah dari paras harga *Cut-Off* atau menawarkan harga tender dari (-)20% hingga (-)15% dari Anggaran Jabatan serta memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua, keutamaan perakuan boleh diberikan kepada petender yang mempunyai kriteria tambahan seperti berikut:

### 9.1.1 Sijil SCORE

Mempunyai sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang.

9.1.2 **Sijil/ Perakuan Anugerah**

Sijil/Perakuan Anugerah yang diperolehi yang berkaitan dengan industri pembinaan, dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang,

Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) petender yang mempunyai sijil SCORE dengan bintang yang sama, keutamaan akan diberi kepada petender yang mempunyai sijil/perakuan anugerah.

9.2 Jika masih terdapat lebih daripada satu (1) petender yang mempunyai sijil SCORE dan juga mempunyai sijil/perakuan anugerah, keutamaan akan diberikan kepada petender yang paling hampir dengan *Cut-Off.*

| **No. Ruj. Petender** | **Harga (RM)** | **% BWAM** | **SCORE** | | **Sijil / Perakuan Anugerah** | **Perakuan** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | **Kemuka / Tidak** | **Rating (bintang)** | | |
| 1/15 | 8,309,000.00 | (-) 3.94% | | 2 | X | |
| 8/15 | 8, 350,450.00 | (-) 3.46% | | 2 | ✓ | |
| **3/15** | **8,400, 200,00** | (-) 2.89% | | **2** | ✓ | **Layak Diperakukan** |
| 6/15 | 8,460,861.00 | (-) 2.18% | | 2 | X | |
| | **Cut-Off 8,500,000.00** | | | | | |

| **No. Ruj. Petender** | **Harga (RM)** | **% BWAM** | **SCORE** | | **Sijil / Perakuan Anugerah** | **Perakuan** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | **Kemuka / Tidak** | **Rating (bintang)** | | |
| 1/15 | 8,309,000.00 | (-) 3.94% | | 2 | X | |
| 8/15 | 8, 350,450.00 | (-) 3.46% | | 2 | ✓ | |
| **3/15** | **8,400, 200,00** | **(-) 2.89%** | | **2** | ✓ | **Layak Diperakukan** |
| 6/15 | 8,460,861.00 | (-) 2.18% | | 3 | X | |
| | **Cut-Off 8,500,000.00** | | | | | |

| No. Ruj. Petender | Harga (RM) | % BWAM | SCORE | | Sijil / Perakuan Anugerah | Perakuan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Kemuka / Tidak | Rating (bintang) | | |
| 1/15 | 8,309,000.00 | (-) 3.94% | | 2 | X | |
| 8/15 | 8, 350,450.00 | (-) 3.46% | | 3 | ✓ | |
| **3/15** | **8,400, 200,00** | **(-) 2.89%** | | **2** | ✓ | **Layak Diperakukan** |
| 6/15 | 8,460,861.00 | (-) 2.18% | | 3 | X | |
| | **Cut-Off 8,500,000.00** | | | | | |

## 10.0 PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Bagi menerapkan elemen integriti dalam proses perolehan Kerajaan, selaras dengan 1PP/PK1, penjawat Awam yang terlibat dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan perolehan turut dikehendaki menandatangani surat akuan. Secara ringkasnya, pihak-pihak yang terlibat dalam tatacara baharu ini yang dikehendaki menandatangani surat akuan adalah seperti berikut:

10.1 **Urus Setia Jawatankuasa Perolehan/Lembaga Perolehan** hendaklah menandatangani surat akuan setiap tahun atau memperbaharui akuan mereka setiap tahun**;**

10.2 **Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender** hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai sesuatu tugas; dan

10.3 **Ahli Lembaga Perolehan** hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai bersidang.

10.4 Format-format borang *integrity pact* bagi tujuan di atas boleh didapati daripada 1PP/PK1.

# CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA BAGI PROJEK KECIL


CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA BAGI PROJEK KECIL
MULA
1
Jawatankuasa Pembuka Tender isi dan tandatangan senarai semakan dokumen mandatori/sokongan
2
Jawatankuasa Penilaian Tender (JPT) terima Borang JKR 28 dan dokumen tender dari Jawatankuasa Pembuka Tender
3
JPT sediakan Lampiran C & Lampiran C1 (jika berkaitan) berdasarkan Borang JKR 28
4
JPT tentukan bilangan petender yang perlu dinilai
5
JPT buat semakan dokumen bagi petender yang dinilai
6
JPT buat semakan pengiraan
PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA
7
JPT buat analisa Penilaian Peringkat Pertama-Semakan Mandatori
8
Status Petender?
GAGAL
Petender tidak dinilai ke peringkat seterusnya
LULUS
9
JPT senaraikan petender yang lulus Penilaian Peringkat Pertama
PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
10
JPT buat analisa Penilaian Peringkat Kedua
i) Kecukupan Modal Minimum
ii) Prestasi Kerja Semasa
iii) Beban Kerja Semasa
iv) Pengalaman Kerja Lima (5) Tahun Lepas
11
Status Petender?
GAGAL
Petender dikira sebagai telah GAGAL dalam Penilaian Tender dan tidak akan disyorkan
LULUS
12
JPT sediakan Perakuan Penilaian Tender
13
JPT sediakan Laporan Penilaian Tender
14
JPT membuat pengesyoran
15
Urusetia JPT sediakan Kertas Perakuan berdasarkan Laporan Penilaian Tender dan pengesyoran JPT
16
Urusetia JPT kemukakan kepada Urusetia Lembaga Perolehan
TAMAT

# LAMPIRAN 2 – SENARAI SEMAKAN DOKUMEN MANDATORI DAN SOKONGAN

**LAMPIRAN 2**

**SENARAI SEMAKAN DOKUMEN MANDATORI DAN SOKONGAN (SSD)**

Nama Tender: …………………………………………… Tarikh Dokumen Diterima: …………………………………
…………………………………………… Tarikh Buka Tender: ………………………………….
…………………………………………… Tarikh Tutup Tender: …………………………………..
No. Rujukan Tender: …………………………………………… Jumlah Sampul: ……………………………………………………

| BIL | BUTIRAN DOKUMEN | UNTUK DIISI OLEH PETENDER | | | UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TANDAKAN (√) PADA PETAK ADA | TIADA | CATATAN | TANDAKAN (√) PADA PETAK ADA | TIADA | ULASAN |
| 1 | **Penyata Bulanan Bank** **Nama Bank** | | | | | | |
| | a) Bulan ……………. ……………………. | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | b) Bulan ……………. ……………………. | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | c) Bulan ……………. ……………………. | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 2 | **Laporan Asal Bank (Borang CA)** | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | **Nama Bank:**<br>1…………………….<br>2…………………….<br>3……………………. | | | | **Nama Bank:**<br>1…………………….<br>2…………………….<br>3……………………. | | |
| 3 | **Penyata Kewangan Syarikat Yang Telah Diaudit dan Disahkan** | | | | | | |
| | a) Tahun…………………. | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | b) Tahun………………… | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | c) Tahun ……………….. | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 4 | **Surat dari Institusi yang memberi kemudahan kredit (jika dicatat di Borang C)** | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 5 | **Pengalaman Kerja 5 Tahun kebelakangan** | | | | | | |
| | a) Surat Setujuterima | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | b) Perakuan Siap Kerja | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | c) Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 6 | **Prestasi Kerja Semasa** | | | | | | |
| | a) Surat Setujuterima / Perakuan Bayaran Interim | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| | b) Laporan Prestasi | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 7 | **Surat Akuan Pembida**<br>Borang F | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 8 | **Sijil SCORE(jika ada)** | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |
| 9 | **Sijil Anugerah (jika ada)** | ☐ | ☐ | | ☐ | ☐ | |

Tandatangan & Cop Rasmi Petender

……………………………………………

Tarikh:…………………………………….

Tandatangan & Cop Rasmi Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender:

**Ahli 1**

……………………………………………

Tarikh:…………………………………..

**Ahli 2**

……………………………………………

Tarikh:…………………………………..

# LAMPIRAN 3 – ARAHAN KEPADA PETENDER

## ARAHAN KEPADA PETENDER

### 1.0 Maklumat-Maklumat Yang Diperlukan Untuk Penilaian Keupayaan Petender

1.1 Petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan **keupayaan petender** untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan harga tender.

1.2 Penilaian akan dibuat berasaskan **kelayakan asas tender, keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal (prestasi dan beban kerja semasa serta pengalaman kerja) petender**. Untuk membolehkan penilaian dibuat, petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing:

| | | | |
|---|---|---|---|
| a) | **Borang A** | - | Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender |
| b) | **Borang B** | - | Maklumat Am Latar Belakang Petender |
| c) | **Borang C** | - | Data-Data Kewangan Petender |
| d) | **Borang CA** | - | Laporan Bank Mengenai Kedudukan Kewangan Petender |
| e) | **Borang D** | - | Senarai Kerja / Kontrak Semasa Petender |
| f) | **Borang DA** | - | Laporan Penyelia Projek atas Prestasi Kerja Semasa Petender |
| g) | **Borang E** | - | Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas) |
| h) | **Borang F** | - | Surat Akuan Pembida *(Integrity Pact)* |

1.3 Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. **BORANG A** dan setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh petender.

1.4 Bagi memastikan kesahihan, maklumat dan data yang diterima daripada petender seperti di perenggan 1.2, maklumat tersebut hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan penilaian.

## ARAHAN KEPADA PETENDER

1.4.1 Kelayakan Asas Tender

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ).

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (jika berkaitan);

iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan);

1.4.2 Keupayaan Kewangan

Petender hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:

i) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan pengesahan akuan sah *(certified true copy)* ASLI (pada muka surat lembaran imbangan sahaja) oleh Juruaudit Bertauliah atau Setiausaha Syarikat Berlesen, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut dari tahun tutup tender ; **dan/atau**

ii) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **DAN** Laporan ASAL Bank mengenai kedudukan kewangan petender, atas format seperti di **Borang CA**; **dan/atau**

iii) Laporan ASAL bank mengenai kedudukan kewangan kemudahan kredit petender, atas format seperti **Borang CA**. Laporan tersebut hendaklah **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **dan/atau** surat ASAL daripada institusi yang memberi kemudahan kredit khusus untuk tender ini seperti di **Borang C**.

1.4.3 Keupayaan Teknikal

i) Salinan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;

ii) Laporan Asal Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

iii) Salinan Surat Setuju Terima Tender dan Salinan Perakuan Siap Kerja/Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.

1.4.4 Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di **Borang D**, **Borang DA** dan **Borang E,** maka maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen dan boleh menyebabkan tender tidak dipertimbangkan.

1.5 **Kriteria Tambahan Perakuan Tender**

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender:

1.5.1 Sijil SCORE

Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama bagi petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga *Cut-Off.*

1.5.2 Sijil/Perakuan Anugerah

Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

1.6 Dokumen-dokumen mandatori dan sokongan seperti di perenggan 1.4 dan 1.5 adalah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas petender. Petender hendaklah mengemukakan dokumen ini dalam **satu (1) sampul berasingan** yang berlabel sebagai **`DOKUMEN MANDATORI DAN SOKONGAN'**. Petender juga dikehendaki mengisi **Senarai Semakan Dokumen Mandatori dan Sokongan** yang disertakan bersama-sama sampul tersebut. Senarai Semakan ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen mandatori dan sokongan.

1.7 Semua maklumat dan dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender sebelum tarikh dan waktu tutup tender. Bagi memastikan Kerajaan bersikap adil dan saksama kepada petender-petender lain yang berjaya mematuhi arahan tersebut, **sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas daripada tarikh dan waktu tutup tender, TIDAK BOLEH DITERIMA.**

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

1.8 **Sekiranya petender mengemukakan maklumat palsu, tidak memberikan maklumat yang dikehendaki, dan/atau menyembunyikan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan ke atas petender.**

**2.0 Kriteria Penilaian Tender**

Penilaian tender akan dijalankan dalam dua peringkat berdasarkan kepada kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

2.1 **Penilaian Peringkat Pertama (Kelayakan Asas Tender)**

2.1.1 Tender-tender yang diterima mestilah mematuhi beberapa kriteria kelayakan asas sebelum boleh dinilai di peringkat kedua. Kriteria yang ditetapkan ialah:

a) Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan meterai syarikat.

b) Penandatangan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB /Kementerian Kewangan.

c) Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja tercatat di Borang Tender

d) Pendaftaran petender masih sah semasa tarikh tutup tender

e) Mengembalikan kesemua dokumen asas tender seperti berikut:

i) Borang Tender

ii) Senarai Kuantiti/ Ringkasan Tender

iii) Adenda (tambahan) yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen dijual kepada mereka (jika ada)

iv) Maklumat/ Dokumen lain yang dinyatakan didalam Arahan Kepada Petender

f) Tempoh Siap Kerja tidak melebihi tempoh siap maksimum/ ditetapkan

g) Surat Akuan Pembida ditandatangani (Integrity Pact)

h) Salinan Penyata Kewangan Syarikat dikemukakan, diaudit dan disahkan (pada muka surat imbangan sahaja) **atau** Penyata Bulanan

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

Bank yang disahkan dan Laporan Asal Bank dikemukakan **atau** Kemudahan Kredit dikemukakan atas format seperti di Borang CA

2.1.2 **Hanya tender yang mematuhi kriteria di atas sahaja yang LAYAK dinilai ke peringkat kedua.**

2.2 **Penilaian Peringkat Kedua**

Penilaian di peringkat kedua adalah berasaskan kriteria-kriteria berikut:

2.2.1 Keupayaan Kewangan

i) Kecukupan modal minimum petender dalam bentuk aset mudah cair dan Kemudahan Kredit tidak kurang dari LIMA PERATUS (5%) daripada nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

ii) Modal dalam bentuk aset mudah cair ialah jumlah Modal Pusingan iaitu perbezaan antara Aset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan **atau** nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir termasuk Deposit Tetap, yang mana lebih tinggi. Jumlah ini dicampur dengan jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang dinikmati dan nilai Kemudahan Kredit Tambahan yang layak diperolehi oleh petender daripada Bank.

iii) Deposit Tetap yang tidak dicagarkan hendaklah mempunyai tarikh matang yang sekurang-kurangnya sehingga 3 bulan selepas tarikh tutup tender.

iv) Pada dasarnya, kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambilkira **hanyalah** seperti berikut :

i) Overdraf

ii) Overdraf Bercagar

iii) Tabung Pemulihan Usahawan(ERF)

iv) Pinjaman Majlis Amanah rakyat (MARA)

v) Talian Kredit

Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek.

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

2.2.2 Keupayaan Teknikal

Keupayaan teknikal adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

i) Prestasi Kerja Semasa

Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender. Petender mestilah **TIDAK** mempunyai projek yang mana kemajuan pelaksanaan semasa mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual **atau** kelewatan melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh siap dibenarkan **atau** sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

ii) Beban Kerja Semasa

Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap untuk semua projek pada waktu petender memasuki tender.

iii) Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja adalah berdasarkan pengalaman kerja bagi projek-projek yang telah disiapkan oleh petender sebagai Kontraktor Utama ataupun Sub-kontraktor Dinamakan sahaja dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh siap sesuatu projek. Kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai sub-kontraktor biasa hanya boleh diambil kira sekiranya terdapat pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

## 3.0 Keputusan Tender Adalah Muktamad

Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari petender-petender. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender tidak akan dilayan.

## 4.0 Penerimaan atau Penolakan Tender

4.1 Kerajaan berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan tender. Mana-mana tender yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.

**ARAHAN KEPADA PETENDER**

4.2 Pihak Kerajaan adalah tidak terikat untuk menyetujuterima tender terendah atau sebarang tender, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana tender yang ditolak.

**5.0 Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan**

5.1 Petender wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Borang F** bersama-sama dengan Dokumen Tender di mana petender berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat yang ditauliahkan atau Wakil Syarikat dengan melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

5.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen mandatori dalam penilaian tender peringkat pertama. Sekiranya petender gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani, petender tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal kriteria mandatori tender) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

5.3 Petender yang berjaya wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di **Borang F1** beserta dengan Surat Setujuterima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

5.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan adalah kesalahan jenayah dan boleh disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).

# LAMPIRAN 4 – BORANG-BORANG MAKLUMAT

**LAMPIRAN 4A**

## BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER

Nama Petender :…………………………………
Alamat:……………………………………………
……………………………………………………
……………………………………………………

Kepada,

Pengarah:………………………………………..
………………………………………………….
………………………………………………….
*(Pihak yang akan menilai tender)*

Tuan,

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PETENDER**

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender, semasa Penilaian Tender.

2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang diminta bersama-sama Tender kami sebelum Tender ditutup dan maklumat atau dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan kami.

4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, DA, E, F dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan/atau Tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar dan palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:

   (1) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan pengesahan akuan sah (*certified true copy*) ASLI (pada muka surat lembaran imbangan sahaja) oleh Juruaudit Bertauliah atau Setiausaha Syarikat Berlesen, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut dari tahun tutup tender.

   (2) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **DAN** Laporan ASAL Bank mengenai kedudukan kewangan petender, atas format seperti di **Borang CA.**

   (3) Laporan ASAL Bank mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak bank berkenaan **dan/atau** surat ASAL daripada institusi yang memberi kemudahan kredit khusus untuk tender ini seperti di **Borang C**.

   (4) Laporan Asal Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**, atas format seperti **Borang DA** dalam sampul surat berlakri bagi setiap kerja semasa yang sedang dilaksanakan.

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kerajaan, jurutera-jurutera projek, bank dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh JKR untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami mengambil maklum bahawa pihak JKR juga boleh merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan dengan mana-mana pihak termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walaubagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

7. Kami juga dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa pihak kami tidak ada membuat sebarang pakatan atau apa-apa bentuk amalan sepadu dengan mana-mana petender lain bagi mempengaruhi kemunasabahan harga tender dan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan atau yang mempunyai kesan menghalang, menyekat atau menggangu persaingan yang sihat bagi membolehkan tender kami atau petender lain di pertimbangkan. Kami akur pihak Jabatan boleh menolak tawaran kami sekiranya pihak Jabatan mengesyaki sebarang pakatan harga dan pihak kami juga boleh di ambil tindakan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Yang benar,

……………………………. Tarikh:…………………….
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh:………………………………..
No. Kad Pengenalan:………………………..
Atas Sifat:……………………………………
yang diberikuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak:
……………………………..
(Meteri atau Cop Petender)

……………………………. Tarikh:…………………….
(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh:………………………………...
No. Kad Pengenalan:………………………...
Pekerjaan:……………………………………
Alamat:………………………………………
…………………………………………………

**LAMPIRAN 4B**

**BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER**

1. Nama :……………………………………………

2. Alamat:…………………………………………..
   ……………………………………………
   ……………………………………………

   No. Telefon:……………………………………No. Fax:………………………….

